

Berita Harian : 16 April 2015

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

KITA MASIH GAGAL MARTABATKAN BAHASA MELAYU

Kefasihan bertutur perlu diterap sejak di sekolah, bukan sekadar lulus ujian

Bahasa Melayu adalah bahasa teras dan menjadi tanggungjawab setiap warganegara Malaysia untuk memartabatkan bahasa kebangsaan itu. Kerajaan wajar memartabatkan bahasa Melayu melalui sistem pendidikan negara. Pelaksanaan penggunaannya sebagai bahasa utama proses pengembangan ilmu, sejajir perancangan dilakukan Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956 yang diperkukuhkan oleh Jawatankuasa Penyemak Pelajaran Rahman Talib 1960 dan dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996.

Sistem Pendidikan yang ada pada hari ini perlu mengangkat martabat bahasa Melayu dalam mengembangkan ilmu disekolah. Kita lihat ada dalam kalangan pelajar yang hanya mempelajari bahasa Melayu atas dasar keperluan peperiksaan sahaja. Kepujian dalam Bahasa Melayu menjadi syarat untuk pelajar memasuki universiti awam (UA).

Tetapi bagaimana pula syarat kemasukan ke institusi pengajian swasta (IPTS). Adakah bahasa Melayu menjadi syarat utama pelajar melayakkan diri masuk ke IPTS. Penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan perlu dimulakan pada peringkat awal persekolahan. Pihak sekolah perlu memberi ruang masa seluasnya untuk pelajar mempelajarinya.

Bukan sekadar lulus, dapat kepujian

Pada peringkat sekolah menengah pula, pelajar perlu ditekankan pentingnya bahasa Melayu untuk mereka melangkah ke peringkat pengajian tinggi. Jangan sekadar mendapat kepujian dalam bahasa Melayu untuk lulus peperiksaan. Tetapi perlu semai dan tanam perasaan cinta kepada bahasa Melayu agar mereka tidak malu untuk terus bertutur dan menggunakannya.

Jika penggunaan bahasa Melayu tidak ditekankan pada peringkat sekolah, kita akan melahirkan warganegara yang tidak mahir bertutur bahasa Melayu.

Apabila seseorang itu menjadi warganegara kepada sesebuah negara, tetapi tidak memahami dan tidak boleh bertutur dengan baik bahasa kebangsaan negaranya, apakah makna dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang patriotik?

Kita kini menghadapi masalah yang mana sebahagian bukan Melayu tidak berusaha menguasai bahasa Melayu dengan baik. Jika mereka dipilih menjadi wakil rakyat, sudah tentu sebutan yang diucapkan tidak betul dan pertuturan yang tidak lancar ketika perbahasan di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen. Sebagai pemimpin, mereka sepatutnya menjadi contoh kepada rakyat dengan sifat dan semangat patriotik yang tinggi melalui penguasaan bahasa Melayu yang baik.

Jika peraturan dalam Dewan Undangan Negeri atau Parlimen tidak mewajibkan penggunaan bahasa Melayu, sampai bila pun kita tidak mengetahui bahawa ramai wakil rakyat bukan Melayu tidak boleh berbahsa Melayu dengan baik. Walaupun sudah lama menjadi warganegara, sebutan perkataan dalam Bahasa Melayu tidak betul seolah-olah mereka baru datang ke Malaysia.

Mereka patut berasa malu dengan orang Cina dari Indonesia yang tanpa segan silu menggunakan bahasa Indonesia dengan lancar. Ia menggambarkan sifat dan semangat patriotik yang tinggi kepada negara mereka.

Kerajaan perlu menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu dalam semua program dan urusan dalam sektor awam dan swasta. Pegawai tertinggi dalam sektor ini perlu bersungguh-sungguh mendaulatkan bahasa Melayu. Gunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam mesyuarat dan terapkan pertuturan bahasa Melayu di pejabat. Begitu juga kain pemidang dalam program yang dianjurkan perlu menggunakan bahasa Melayu.

Singkatan nama Inggeris berleluasan

Kita dapati semakin berleluasa penggunaan singkatan nama Inggeris. Kini singkatan nama yang hangat disebut iaitu GST(Good and Services Tax). Kita boleh gunakan singkatan nama CBP (Cukai Barang dan Perkhidmatan). Dalam lagu iklan UTC yang sering didendangkan di TV pun tidak mahu menggunakan PTB. Cuba kita amati lirik lagu itu : "UTC...Pusat Transformasi Bandar.." Bukankah PTB itu bermaksud "Pusat Transformasi Bandar"

Terbaharu, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melancarkan aplikasi #MeterOn pada teksi yang bertujuan membantu pengguna menyemak dan mengesahkan status pemandu teksi sebelum memulakan perjalanan di samping dilengkapi ciri keselamatan. Mengapa tidak gunakan perkataan bahasa Melayu yang sesuai untuk namakan aplikasi itu?

Jika kita perhatikan penggunaan singkatan nama sejak beberapa tahun kebelakangan ini, semakin banyak diterapkan singkatan nama dalam bahasa Inggeris yang dicanangkan pegawai awam kepada pemimpin politik. Kenapa tidak diterjemah dalam bahasa Melayu supaya semua pihak yang disatukan menerusi sistem pendidikan kebangsaan dapat memahaminya.

Kita wajar mempertahankan dan memperkasakan bahasa Melayu. Jangan abaikan bahasa Melayu dengan mencampur adukkan penggunaannya dengan bahasa lain sehingga hilang keaslian dan identitinya. Kita berharap bahasa Melayu boleh dibawa ke peringkat antarabangsa setanding bahasa lain di dunia dengan melahirkan lebih ramai generasi yang mampu mempertahankan dan memartabatkannya.

Secara perbandingan, Perancis, Jepun, China dan Indonesia antara negara yang begitu bangga dengan bahasa kebangsaan mereka. Ia menjadi prasyarat dalam urusan membabitkan kepentingan negara.

Di Malaysia, bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, bukan sekadar untuk dihormati tetapi ia berperanan sebagai penyatu pelbagai kaum di negara ini.

